

**Kerajaan Kedah Tuntut Hutang RM5 Juta Daripada Underwater World Langkawi
Bernama
18 Julai, 2012**

ALOR SETAR, 18 Julai (Bernama) -- Kerajaan Negeri Kedah menuntut supaya Underwater World Langkawi (UWWL) menyelesaikan tunggakan duti hiburannya yang berjumlah RM5 juta.

Menteri Besar Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata UWWL dikecualikan daripada membayar duti hiburan bagi tempoh 2004 hingga 2009, namun selepas tempoh itu berakhir taman tema tersebut gagal membuat bayaran.

"Pada peringkat awal, sebagai galakan untuk menarik pelancong mereka diberikan pengecualian cukai, lepas tu (2009) tak bayar sampai sekarang mereka hutang RM5 juta kepada kerajaan negeri.

"Kita akan ambil tindakan untuk mereka bayar kerana mereka selalu bagi alasan nak tambah modal nak kembang itu dan ini sedangkan kita tahu mereka dah dapat tarik pelancong dan dapat ambil yuran masuk," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco, di sini Rabu.

Sementara itu, Azizan berkata kerajaan negeri akan mengenakan caj RM3 kepada setiap pengguna kereta kabel Langkawi yang terletak di Gunung Mat Chinchang, Langkawi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681577>

